

Siasatan terhadap ADUN Sri Muda selesai
Malaysiakini.com
January 17, 2011

Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin Hussein berkata polis telahpun menyelesaikan siasatan mengenai ADUN Sri Muda Shuhaimi Shafiei berhubung dakwaan beliau menghina Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah dalam blognya pada 30 Disember lepas.

Justeru, beliau berharap pihak Peguam Negara dapat mengambil tindakan selanjutnya dengan segera untuk menentukan sama ada Shuhaimi melanggar undang-undang sedia ada dan perlu didakwa di mahkamah atau sebaliknya.

"Dan jika terdapat kelewatan dalam siasatan polis, bahaa kita tidak memberikan peluang sepenuhnya kepada mereka bagi membawa perkara itu ke depan, saya harap polis akan beri kerjasama penuh," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan tugas pengerusi badan perhubungan Umno Terengganu di ibu negara hari ini.

Hishammuddin berkata lebih 20 laporan polis berhubung perkara tersebut, yang turut melibatkan badan bukan kerajaan (NGO) yang tiada kaitan dengan politik.

Mengenai isu azan, Hishammuddin berkata isu-isu sensitif seperti isu agama tidak seharusnya dipolitikkan.

"Saya fikir orang ramai dah penat berpolitiking mengenai setiap perkara termasuk agama. Sebagai menteri, saya hanya bimbang jika ia melibatkan keselamatan negara tapi sebagai individu, sebagai seorang rakyat Malaysia, perkara ini telah dibangkitkan untuk menimbulkan perasaan marah, perpecahan dan berkesudahan sebaliknya," katanya.

Beliau mengulas tentang isu seorang pengadu mempersoalkan azan dari Masjid Al-Ikhlasih, Bukit Kerinchi, Jalan Pantai Permai, Kuala Lumpur yang didakwa mengganggu tidurnya, sehingga menyebabkan demonstrasi di masjid itu baru-baru ini.

Ditanya mengenai kes tahanan yang meninggal dunia di bawah jagaan polis di Bukit Jalil baru-baru ini, Hishammuddin berkata ia tidak harus dilihat sebagai kes yang berasingan dan semua pihak perlu membenarkan pihak polis membuat siasatan.

Beliau berkata setiap agensi di bawah kementerian itu telah diingatkan untuk tidak mengambil mudah berkenaan perkara tersebut, dengan mengikuti Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dibekalkan dan telus dalam setiap siasatan.

"Kita pastikan mereka yang betul-betul bersalah dibawa ke muka pengadilan tapi jangan ada mana-mana pihak yang tidak berdosa dianiaya kerana sebab-sebab nak memperjuangkan keterbukaan kononnya," katanya.

M Krishnan, 37, didapati meninggal dunia dalam tahanan dan isterinya, P Revathi, 37, mendakwa beliau telah didera sehingga meninggal dunia.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/153690>